



MALAYSIA

Warta Kerajaan
SERI PADUKA BAGINDA
DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE
PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 65
No. 7

14hb April 2021

TAMBAHAN No. 53
PERUNDANGAN (A)

P.U. (A) 167.

AKTA PERUBATAN 1971

PERINTAH PERUBATAN (PINDAAN JADUAL KEDUA) 1975

PEMBETULAN

DALAM P.U. (A) 41/1975 yang disiarkan pada 20 Februari 1975, dalam subperenggan 2(f), gantikan perkataan “Gajah” dengan perkataan “Gadjah”.

[KKM.R.600-1/1/45 Jld. 3(1); PN(PU2)97/XIV]

MEDICAL ACT 1971

MEDICAL (AMENDMENT OF SECOND SCHEDULE) ORDER 1975

CORRIGENDUM

IN P.U. (A) 41/1975 published on 20 February 1975, in subparagraph 2(f), substitute for the word “Gajah” the word “Gadjah”.

[KKM.R.600-1/1/45 Jld. 3(1); PN(PU2)97/XIV]

P.U. (A) 168.

AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010

**PERATURAN-PERATURAN PERLINDUNGAN DATA PERIBADI
(TRIBUNAL RAYUAN) 2021**

SUSUNAN PERATURAN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Peraturan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

PERMULAAN RAYUAN

3. Notis rayuan
4. Notis rayuan hendaklah ditandatangani dan dimeterai
5. Daftar Rayuan
6. Penyampaian notis rayuan
7. Penyerahan dokumen
8. Rekod rayuan
9. Penyampaian rekod rayuan
10. Notis pendengaran rayuan
11. Pindaan notis rayuan

BAHAGIAN III

PENDENGARAN RAYUAN

12. Persidangan Tribunal Rayuan
13. Saman untuk hadir
14. Representasi dalam prosiding

Peraturan

15. Ketidakhadiran pihak-pihak
16. Rayuan boleh didengar bersama
17. Tatacara bagi pendengaran rayuan
18. Penangguhan
19. Penarikan balik rayuan
20. Keputusan Tribunal Rayuan
21. Daftar keputusan Tribunal Rayuan

BAHAGIAN IV

PELBAGAI

22. Meterai rasmi
23. Pejabat Pendaftaran Tribunal Rayuan
24. Pengerusi atau anggota Tribunal Rayuan tidak dapat menyelesaikan prosiding
25. Perbelanjaan saksi
26. Kesan ketidakpatuhan
27. Rekod prosiding
28. Pelupusan dokumen, dsb.

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010

PERATURAN-PERATURAN PERLINDUNGAN DATA PERIBADI
(TRIBUNAL RAYUAN) 2021

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 93 dan subseksyen 143(1) Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 [*Akta 709*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Perlindungan Data Peribadi (Tribunal Rayuan) 2021**.
- (2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 15 April 2021.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Pengerusi” ertinya Pengerusi Tribunal Rayuan yang dilantik oleh Menteri di bawah perenggan 85(1)(a) Akta;

“Setiausaha” ertinya Setiausaha Tribunal Rayuan yang dilantik oleh Menteri di bawah subseksyen 86(1) Akta.

BAHAGIAN II

PERMULAAN RAYUAN

Notis rayuan

3. (1) Mana-mana orang boleh membuat suatu permohonan kepada Tribunal Rayuan melalui suatu notis rayuan dalam Borang A Jadual Pertama dan disertakan dengan fi sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.
- (2) Permohonan kepada Tribunal Rayuan itu hendaklah disertakan dengan—
 - (a) keputusan Pesuruhjaya atau notis penguatkuasaan yang disampaikan kepada pengguna data oleh Pesuruhjaya, mengikut mana-mana yang berkenaan; dan
 - (b) suatu surat pelantikan peguam bela, jika ada, untuk mewakili perayu.

- (3) Permohonan itu hendaklah difailkan kepada Tribunal Rayuan—
- (a) dalam masa tiga puluh hari dari tarikh keputusan Pesuruhjaya; atau
 - (b) dalam hal suatu notis penguatkuasaan, dalam masa tiga puluh hari dari tarikh penyampaian notis penguatkuasaan itu kepada pengguna data.
- (4) Notis rayuan itu hendaklah difailkan dalam—
- (a) satu salinan bagi Tribunal Rayuan;
 - (b) satu salinan untuk disampaikan kepada Pesuruhjaya;
 - (c) satu salinan untuk disampaikan kepada setiap pihak kepada rayuan; dan
 - (d) satu salinan bagi perayu.

Notis rayuan hendaklah ditandatangani dan dimeterai

4. Apabila menerima notis rayuan, Setiausaha—
- (a) hendaklah menandatangani semua salinan notis rayuan itu; dan
 - (b) hendaklah menyebabkan semua salinan notis rayuan itu dimeterai dengan meterai Tribunal Rayuan.

Daftar Rayuan

5. (1) Setiausaha hendaklah menyimpan dan menyenggarakan suatu daftar rayuan dalam apa-apa bentuk yang difikirkan patut oleh Setiausaha.
- (2) Setiausaha hendaklah menyebabkan butir-butir notis rayuan itu dimasukkan dalam Daftar Rayuan.
- (3) Tiap-tiap rayuan hendaklah dibezakan melalui suatu nombor dan tahun yang rayuan itu difailkan.

Penyampaian notis rayuan

6. (1) Selepas butir-butir notis rayuan yang disebut dalam peraturan 5 dimasukkan, Setiausaha hendaklah menyimpan satu salinan notis rayuan yang telah ditandatangani dan dimeterai dan hendaklah menyebabkan salinan lain notis rayuan yang telah ditandatangani dan dimeterai itu dikembalikan kepada perayu.
- (2) Apabila notis rayuan di bawah subperaturan (1) diterima, perayu hendaklah dalam masa empat belas hari menyampaikan notis rayuan itu kepada Pesuruhjaya dan mana-mana pihak lain kepada rayuan.

(3) Perayu hendaklah memfailkan bukti penyampaian notis rayuan di bawah subperaturan (2) kepada Setiausaha dalam Borang B Jadual Pertama.

Penyerahan dokumen

7. Seseorang Pesuruhjaya yang telah disampaikan dengan notis rayuan di bawah subperaturan 6(2) hendaklah dalam masa empat puluh lima hari dari tarikh penerimaan notis rayuan itu menyerahkan kepada Setiausaha dokumen yang berikut:

- (a) keputusan Pesuruhjaya yang disebut dalam subseksyen 93(1) Akta;
- (b) suatu pernyataan fakta kes;
- (c) alasan bagi keputusan Pesuruhjaya yang disebut dalam seksyen 94 Akta; dan
- (d) dokumen lain yang berkaitan sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Pesuruhjaya.

Rekod rayuan

8. (1) Apabila dokumen yang dinyatakan dalam peraturan 7 diterima, Setiausaha hendaklah menyediakan salinan rekod rayuan yang mencukupi dalam masa empat belas hari dari tarikh penerimaan dokumen.

(2) Rekod rayuan itu hendaklah mengandungi dokumen yang berikut:

- (a) suatu salinan diakui sah notis rayuan; dan
- (b) suatu salinan diakui sah dokumen yang dinyatakan dalam peraturan 7.

(3) Apabila selesai penyediaan rekod rayuan di bawah subperaturan (1), Setiausaha hendaklah mengeluarkan suatu notis rekod rayuan dalam Borang C Jadual Pertama kepada perayu.

(4) Perayu hendaklah, dalam masa empat belas hari dari tarikh penerimaan notis di bawah subperaturan (3) atau apa-apa tempoh lanjutan sebagaimana yang diberikan oleh Pengerusi, membuat pembayaran fi yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

(5) Setiausaha hendaklah memberikan salinan rekod rayuan yang mencukupi kepada perayu dan memasukkan rayuan itu ke dalam senarai rayuan untuk didengar.

(6) Jika perayu tidak mematuhi subperaturan (4), rayuan itu hendaklah ditolak.

Penyampaian rekod rayuan

9. (1) Apabila rekod rayuan yang disebut dalam peraturan 8 diterima, perayu hendaklah dalam masa empat belas hari menyampaikan rekod rayuan itu kepada Pesuruhjaya dan mana-mana pihak lain kepada rayuan.

(2) Perayu hendaklah memfailkan bukti penyampaian rekod rayuan di bawah subperaturan (1) kepada Setiausaha dalam Borang B Jadual Pertama.

Notis pendengaran rayuan

10. (1) Pengerusi hendaklah menetapkan tarikh, masa dan tempat pendengaran rayuan itu.

(2) Pengerusi boleh, atas usulnya sendiri atau atas permohonan perayu atau Pesuruhjaya, menangguhkan tarikh pendengaran rayuan itu.

(3) Setiausaha hendaklah menyampaikan suatu notis pendengaran rayuan yang menyatakan tarikh, masa dan tempat pendengaran rayuan itu kepada perayu dan Pesuruhjaya dalam Borang D Jadual Pertama tidak kurang daripada dua puluh satu hari sebelum tarikh pendengaran rayuan itu.

(4) Perayu hendaklah, dalam masa yang munasabah sebelum tarikh pendengaran rayuan itu menyampaikan notis pendengaran rayuan kepada mana-mana pihak lain kepada rayuan itu.

Pindaan notis rayuan

11. (1) Perayu boleh, pada mana-mana peringkat prosiding sebelum tarikh pendengaran rayuan itu, meminda notis rayuan dengan kebenaran Tribunal Rayuan tertakluk kepada apa-apa terma dan arahan sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Tribunal Rayuan.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), Tribunal Rayuan tidak boleh memberikan kebenaran untuk meminda notis rayuan yang difailkan di bawah peraturan 3 melainkan jika Tribunal Rayuan berpuas hati bahawa—

- (a) alasan rayuan yang baharu itu berasaskan apa-apa perkara fakta atau undang-undang yang diketahui oleh perayu hanya selepas notis rayuan itu difailkan;
- (b) alasan rayuan yang baharu itu tidak praktik untuk dimasukkan dalam notis rayuan itu apabila ia difailkan; atau
- (c) alasan rayuan yang baharu itu dimasukkan oleh hal keadaan yang luar biasa.

(3) Jika kebenaran diberikan di bawah subperaturan (1), perayu hendaklah memfailkan notis rayuan terpinda itu dengan Tribunal Rayuan.

(4) Setiausaha hendaklah menyebabkan notis rayuan terpinda itu ditandatangani dan dimeterai, dan dikembalikan kepada perayu.

(5) Apabila notis rayuan yang dipinda di bawah subperaturan (4) diterima, peraturan 6, 8, 9 dan 10 hendaklah terpakai *mutatis mutandis*, mengikut kehendak keadaan, berkenaan dengan notis rayuan terpinda itu.

BAHAGIAN III

PENDENGARAN RAYUAN

Persidangan Tribunal Rayuan

12. (1) Semua prosiding di hadapan Tribunal Rayuan hendaklah terbuka kepada orang awam.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), Pengerusi boleh pada mana-mana peringkat prosiding memerintahkan prosiding itu diadakan dalam sesi tertutup.

(3) Pengerusi pada mana-mana peringkat prosiding boleh, jika pada pendapatnya bahawa keterangan atau bahan lain yang dikemukakan kepada Tribunal Rayuan adalah rahsia, mengarahkan supaya keterangan atau bahan itu tidak disiarkan atau penyiarannya dihadkan atau membenarkan penyiarannya tetapi tanpa mendedahkan pihak-pihak kepada prosiding itu.

Saman untuk hadir

13. (1) Mana-mana pihak boleh, tidak kurang daripada tujuh hari sebelum tarikh pendengaran rayuan itu, meminta secara bertulis kepada Setiausaha untuk mengeluarkan saman kepada mana-mana orang lain untuk hadir sebagai saksi atau mengemukakan apa-apa keterangan dalam milikannya atau di bawah kawalannya di hadapan Tribunal Rayuan.

(2) Saman yang dikeluarkan di bawah subperaturan (1) hendaklah dalam Borang E Jadual Pertama dan hendaklah disampaikan secara ke diri kepada orang itu.

(3) Jika orang yang dipanggil di bawah subperaturan (2) tidak mematuhi saman itu, Tribunal Rayuan boleh menjalankan kuasanya berkenaan dengan hukuman kerana penghinaan di bawah subseksyen 84(2) Akta.

Representasi dalam prosiding

14. (1) Pada pendengaran apa-apa rayuan di hadapan Tribunal Rayuan—

(a) Pesuruhjaya boleh diwakili oleh mana-mana pegawai Pesuruhjaya atau peguam belanya; dan

(b) perayu atau mana-mana pihak lain kepada rayuan itu boleh hadir sendiri atau diwakili oleh mana-mana pegawainya atau peguam belanya.

(2) Jika Pesuruhjaya, perayu atau mana-mana pihak lain kepada rayuan diwakili oleh pegawainya atau peguam belanya, suatu surat yang memberikan kuasa kepada pegawai itu atau peguam belanya hendaklah dikemukakan kepada Tribunal Rayuan sebelum tarikh pendengaran rayuan.

Ketidakhadiran pihak-pihak

15. Jika mana-mana pihak kepada rayuan tidak hadir pada tarikh, masa dan di tempat yang ditetapkan untuk pendengaran, Tribunal Rayuan boleh, apabila berpuas hati bahawa notis pendengaran rayuan telah disampaikan dengan sewajarnya di bawah subperaturan 10(3), mendengar dan memutuskan rayuan itu.

Rayuan boleh didengar bersama

16. Tribunal Rayuan boleh, atas permohonan perayu atau Pesuruhjaya, memerintahkan dua atau lebih rayuan untuk didengar bersama jika Tribunal Rayuan mendapati bahawa hal perkara rayuan itu—

- (a) timbul daripada keputusan yang sama Pesuruhjaya itu; atau
- (b) melibatkan isu yang sama atau serupa.

Tatacara bagi pendengaran rayuan

17. Tatacara yang berikut hendaklah terpakai berhubung dengan pendengaran suatu rayuan di hadapan Tribunal Rayuan:

- (a) perayu hendaklah memulakan dan hendaklah mempunyai hak untuk memberikan jawapan penutup melainkan jika Pengerusi memutuskan selainnya;
- (b) perayu dan Pesuruhjaya adalah berhak untuk mendapatkan keterangan dan memeriksa balas orang yang memberi keterangan dan boleh berhujah dalam Tribunal Rayuan berkenaan dengan semua perkara yang dibangkitkan dalam prosiding;
- (c) keterangan boleh diberikan secara lisan atau, jika perayu dan Pesuruhjaya bersetuju atau Pengerusi memerintahkan sedemikian, melalui afidavit, tetapi Pengerusi boleh pada mana-mana peringkat prosiding membuat suatu perintah menghendaki deponen hadir sendiri untuk pemeriksaan dan pemeriksaan balas;
- (d) semua keterangan yang diberikan hendaklah dengan sumpah melainkan jika Pengerusi mengarahkan selainnya dan sumpah atau ikrar itu hendaklah dikendalikan oleh Setiausaha atau mana-mana orang lain sebagaimana yang diberi kuasa oleh Pengerusi;

- (e) Tribunal Rayuan boleh menanyakan apa-apa soalan kepada mana-mana saksi dan boleh menghendaki saksi itu supaya mengemukakan apa-apa dokumen;
- (f) mana-mana pernyataan bertulis atau keterangan dokumentar yang dikemukakan hendaklah ditandakan sebagai ekshibit dan hendaklah menjadi sebahagian rekod prosiding itu;
- (g) Pengerusi hendaklah mencatat atau menyebabkan supaya dicatatkan nota keterangan yang diberikan dan setakat mana didapati wajar, hujah yang dibuat oleh perayu dan Pesuruhjaya;
- (h) Tribunal Rayuan boleh memeriksa mana-mana tempat atau benda berkenaan dengan mana-mana soalan berbangkit dalam rayuan dan semua perbelanjaan hendaklah menjadi kos dalam prosiding itu; dan
- (i) selepas selesai pendengaran atau pada tarikh lain yang ditentukan oleh Pengerusi, Pengerusi hendaklah menyerahkan keputusan dan menyatakan secara terperinci alasan bagi keputusan Tribunal Rayuan itu.

Penangguhan

18. Tribunal Rayuan boleh menangguhkan pendengaran rayuan tertakluk kepada apa-apa syarat yang difikirkan adil oleh Tribunal Rayuan.

Penarikan balik rayuan

19. (1) Perayu boleh pada bila-bila masa sebelum Tribunal Rayuan membuat suatu keputusan, memfailkan suatu notis penarikan balik dalam Borang F Jadual Pertama dan hendaklah menyampaikan suatu salinan notis penarikan balik itu kepada Pesuruhjaya dan mana-mana pihak lain kepada rayuan.

(2) Apabila notis difailkan di bawah subperaturan (1), Setiausaha hendaklah menyebabkan rayuan itu dikeluarkan daripada senarai rayuan.

(3) Jika perayu memfailkan notis penarikan balik, perayu hendaklah bertanggungjawab untuk membayar semua perbelanjaan atau kos berhubung dengan rayuan itu yang ditanggung oleh Pesuruhjaya atau mana-mana pihak lain kepada rayuan itu sebagaimana yang ditentukan oleh Tribunal Rayuan.

Keputusan Tribunal Rayuan

20. (1) Tribunal Rayuan boleh mengesahkan, mengubah, mengubah suai atau membatalkan keputusan Pesuruhjaya.

(2) Keputusan Tribunal Rayuan hendaklah—

(a) secara bertulis, bertarikh, ditandatangani oleh anggota Tribunal Rayuan dan dimeterai; dan

(b) termasuk alasan bagi keputusannya.

(3) Jika mana-mana anggota Tribunal Rayuan yang telah membuat suatu keputusan atas apa-apa rayuan tidak dapat menandatangani keputusan itu atas sebab meninggal dunia, sakit, tidak hadir atau apa-apa sebab lain, keputusan itu hendaklah ditandatangani oleh anggota lain yang ada.

Daftar keputusan Tribunal Rayuan

21. (1) Setiausaha hendaklah memasukkan butir-butir keputusan Tribunal Rayuan dalam Daftar Rayuan.

(2) Setiausaha hendaklah menyebabkan Daftar Rayuan itu tersedia di Pejabat Pendaftaran Tribunal Rayuan untuk pemeriksaan awam semasa waktu pejabat.

BAHAGIAN IV

PELBAGAI

Meterai rasmi

22. Tribunal Rayuan hendaklah mempunyai suatu meterai rasmi yang hendaklah disimpan dalam jagaan Setiausaha.

Pejabat Pendaftaran Tribunal Rayuan

23. Pemfailan dan penyampaian apa-apa dokumen dan pembayaran fi, yang berhubungan dengan apa-apa rayuan, oleh mana-mana pihak kepada rayuan kepada Tribunal Rayuan hendaklah dibuat di Pejabat Pendaftaran Tribunal Rayuan.

Pengerusi atau anggota Tribunal Rayuan tidak dapat menyelesaikan prosiding

24. Jika Pengerusi atau mana-mana anggota Tribunal Rayuan yang memulakan pendengaran dan yang setelah mendengar keseluruhan atau mana-mana bahagian prosiding itu tidak dapat, atas sebab meninggal dunia, sakit, habis tempoh pelantikan atau apa-apa sebab lain, menyelesaikan prosiding itu dan Pengerusi atau anggota lain yang dilantik oleh Menteri untuk menggantikan Pengerusi atau anggota itu, Tribunal Rayuan yang baharu ditubuhkan itu boleh terus menguruskan keterangan yang telah direkodkan dan meneruskan prosiding itu pada peringkat yang prosiding itu terhenti, atau Tribunal Rayuan yang baharu ditubuhkan itu boleh memulakan semula prosiding itu.

Perbelanjaan saksi

25. Perbelanjaan yang dibenarkan di bawah perenggan 84(1)(e) Akta bagi maksud mana-mana orang yang dipanggil oleh Tribunal Rayuan hendaklah ditaksirkan oleh Setiausaha mengikut skala yang digunakan dalam prosiding sivil di mahkamah rendah dan hendaklah dibayar oleh perayu, Pesuruhjaya atau mana-mana pihak lain kepada rayuan, sebagaimana yang diarahkan oleh Tribunal Rayuan.

Kesan ketidakpatuhan

26. Ketidakpatuhan kepada mana-mana peraturan-peraturan ini tidak akan menyebabkan mana-mana prosiding terbatal melainkan jika Tribunal Rayuan mengarahkan selainnya.

Rekod prosiding

27. Setiausaha hendaklah mencatatkan rekod semua prosiding Tribunal Rayuan dengan membuat catatan dalam fail rayuan yang berkenaan.

Pelupusan dokumen, dsb.

28. (1) Tribunal Rayuan boleh, selepas selesai prosiding, memerintahkan supaya apa-apa buku, kertas, dokumen, rekod atau benda lain yang dikemukakan semasa prosiding, diserahkan kepada pemunya yang sah.

(2) Setiausaha hendaklah mengeluarkan suatu notis apa-apa perintah yang dibuat di bawah subperaturan (1) kepada pemunya yang sah bagi buku, kertas, dokumen, rekod atau benda lain itu.

(3) Jika tiada seorang pun mengambil penghantarserahan apa-apa buku, kertas, dokumen, rekod atau benda lain yang dikemukakan semasa prosiding yang disebut dalam subperaturan (1) selepas habis tempoh enam bulan dari tarikh notis di bawah subperaturan (2) dikeluarkan, Tribunal Rayuan boleh mengambil milikan dan menguruskan buku, kertas, dokumen, rekod atau benda lain yang dikemukakan semasa prosiding itu mengikut apa-apa cara yang difikirkan patut oleh Tribunal Rayuan.

JADUAL PERTAMA

BORANG A

[Subperaturan 3(1)]

AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010

PERATURAN-PERATURAN PERLINDUNGAN DATA PERIBADI
(TRIBUNAL RAYUAN) 2021

DALAM TRIBUNAL RAYUAN

NO. RAYUAN: TAHUN

NOTIS RAYUAN

Nama perayu:
 No. kad pengenalan/pendaftaran syarikat perayu*:
 No. telefon:
 No. faks:
 E-mel:
 Alamat perayu:

 Alamat peguam bela (jika berkenaan):

Perayu yang terkilan dengan atau yang kepentingannya dimudaratkan oleh keputusan Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi yang diberikan pada hari bulan 20 merayu kepada Tribunal Rayuan terhadap keputusan Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi.

Butir-butir rayuan adalah seperti yang berikut:

- (a) butir-butir keputusan Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi; (keputusan Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi, keputusan yang dirayu dan alasan bagi rayuan)
- (b) surat pelantikan peguam bela, jika ada, untuk mewakili perayu;
- (c) senarai dokumen sokongan berkaitan yang dilampirkan; dan
- (d) relief atau remedi yang dipohon.

Bertarikh pada hari bulan 20

.....
 Perayu/Peguam bela

(METERAI)

.....
 Setiausaha
 Tribunal Rayuan

Kepada:

1. Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi
2. Mana-mana pihak lain kepada rayuan, jika ada

CATATAN:

* potong mana-mana yang tidak berkenaan

BORANG B

[Subperaturan 6(3) dan 9(2)]

AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010

PERATURAN-PERATURAN PERLINDUNGAN DATA PERIBADI
(TRIBUNAL RAYUAN) 2021

DALAM TRIBUNAL RAYUAN

NO. RAYUAN: TAHUN

PENGAKUTERIMAAN PENYAMPAIAN

Dokumen ini telah disampaikan dengan cara penyampaian ke diri kepada
.....
(yang dikenali oleh saya) (atau yang telah ditunjukkan kepada saya oleh
.....)
(atau yang telah mengaku kepada saya bahawa dialah orangnya
.....) di
.....
pada hari bulan 20
pada pukul pagi/petang*.

2. Dokumen ini telah disampaikan dengan meninggalkan sesalinan ke alamat kediaman yang terakhir diketahui atau tempat perniagaan di
dalam suatu sampul beralamat*.

3. Dokumen ini telah disampaikan melalui surat berdaftar Akuan Terima yang dialamatkan kepada
(alamat untuk penyampaian) atau (alamat terakhir yang diketahui)*.

Bertarikh pada hari bulan 20

.....
Tandatangan

CATATAN:

* potong mana-mana yang tidak berkenaan

BORANG C

[Subperaturan 8(3)]

AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010

PERATURAN-PERATURAN PERLINDUNGAN DATA PERIBADI
(TRIBUNAL RAYUAN) 2021

DALAM TRIBUNAL RAYUAN

NO. RAYUAN: TAHUN

NOTIS REKOD RAYUAN

AMBIL PERHATIAN bahawa rekod rayuan dalam prosiding yang disebut di atas telah selesai dan kos bagi menyediakan rekod rayuan itu berjumlah RM*
(Ringgit Malaysia) kena dibayar oleh anda.

AMBIL PERHATIAN jika anda tidak menjelaskan bayaran yang disebut di atas dalam masa empat belas hari/ ** (tempoh lanjutan yang diberikan oleh Pengerusi) dari tarikh penyampaian notis ini, rayuan anda hendaklah ditolak.

Bertarikh pada hari bulan 20

(METERAI)

.....
Setiausaha
Tribunal Rayuan

Kepada:

.....

.....

(Masukkan nama dan alamat perayu)

CATATAN:

* Masukkan amaun yang tepat. Jika tiada baki, tulis "Tiada"

** Masukkan jumlah tempoh lanjutan yang diberikan

BORANG D

[Subperaturan 10(3)]

AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010

PERATURAN-PERATURAN PERLINDUNGAN DATA PERIBADI
(TRIBUNAL RAYUAN) 2021

DALAM TRIBUNAL RAYUAN

NO. RAYUAN: TAHUN

NOTIS PENDENGARAN RAYUAN

AMBIL PERHATIAN bahawa rayuan dalam perkara di atas akan didengar pada
hari bulan20 di
.....
.....
(alamat tempat pendengaran) pada pukul pagi/petang*.

Bertarikh pada hari bulan 20

(METERAI)

.....
Setiausaha
Tribunal Rayuan

Kepada:

1. Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi
2. Mana-mana pihak lain kepada rayuan, jika ada

CATATAN:

* potong mana-mana yang tidak berkenaan

BORANG E

[Subperaturan 13(2)]

AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010

PERATURAN-PERATURAN PERLINDUNGAN DATA PERIBADI
(TRIBUNAL RAYUAN) 2021

DALAM TRIBUNAL RAYUAN

NO. RAYUAN: TAHUN

SAMAN UNTUK HADIR

Kepada:

(Masukkan nama dan alamat orang yang dipanggil)

BAHAWASANYA perayu telah memfailkan suatu rayuan bagi mendapatkan keputusan yang telah dibuat oleh Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi dan didapati bahawa anda boleh memberi keterangan yang material bagi pihak perayu/Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi*.

Anda dengan ini dipanggil untuk hadir di hadapan Tribunal Rayuan di.....

(alamat tempat pendengaran) pada hari bulan 20.....

pada pukul pagi/petang* untuk memberikan keterangan bagi pihak perayu/Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi* dan untuk kekal semasa pendengaran rayuan sehingga Tribunal Rayuan mengarahkan selainnya.

Anda juga dikehendaki membawa bersama dan mengemukakan pada masa dan tempat yang disebut dokumen-dokumen yang berikut**: (nyatakan dokumen yang akan dikemukakan)

.....

Bertarikh pada..... hari bulan20.....

(METERAI)

.....
 Setiausaha
 Tribunal Rayuan

CATATAN:

* Potong mana-mana yang tidak berkenaan

** Potong jika tiada dokumen dikehendaki

BORANG F

[Subperaturan 19(1)]

AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010

PERATURAN-PERATURAN PERLINDUNGAN DATA PERIBADI
(TRIBUNAL RAYUAN) 2021

DALAM TRIBUNAL RAYUAN

NO. RAYUAN: TAHUN

NOTIS PENARIKAN BALIK

AMBIL PERHATIAN bahawa perayu menarik balik keseluruhan rayuan terhadap Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi.

Bertarikh pada hari bulan 20

.....
Perau

Kepada:

1. Setiausaha Tribunal Rayuan
2. Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi
3. Mana-mana pihak lain kepada rayuan, jika ada

JADUAL KEDUA

[Subperaturan 3(1) dan 8(4)]

FI

Perihal	Fi (RM)
Pemfailan notis rayuan	1,000.00
Salinan rekod rayuan	0.50 setiap muka surat
Keputusan Tribunal Rayuan	50.00 setiap satu salinan
Salinan diakui sah— (a) keputusan Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi (b) pernyataan fakta kes (c) alasan bagi keputusan Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi (d) dokumen lain yang berkenaan	10.00 setiap satu salinan

Dibuat 13 April 2021

[KKMM.600-8/2/3(12); PN(PU2)712/III]

DATO' SAIFUDDIN ABDULLAH
Menteri Komunikasi dan Multimedia

PERSONAL DATA PROTECTION ACT 2010

PERSONAL DATA PROTECTION (APPEAL TRIBUNAL) REGULATIONS 2021

ARRANGEMENT OF REGULATIONS

PART I

PRELIMINARY

Regulation

1. Citation and commencement
2. Interpretation

PART II

COMMENCEMENT OF APPEAL

3. Notice of appeal
4. Notice of appeal to be signed and sealed
5. Register of Appeals
6. Service of notice of appeal
7. Delivery of documents
8. Record of appeal
9. Service of record of appeal
10. Notice of hearing of appeal
11. Amendment of notice of appeal

PART III

HEARING OF APPEAL

12. Sitting of Appeal Tribunal
13. Summons to appear
14. Representation in proceedings
15. Non-appearance of parties
16. Appeals may be heard together
17. Procedure for hearing of appeal
18. Adjournment

Regulation

19. Withdrawal of appeal
20. Decision of Appeal Tribunal
21. Register of decision of Appeal Tribunal

PART IV

MISCELLANEOUS

22. Official seal
23. Appeal Tribunal Registry
24. Chairman or member of Appeal Tribunal not able to conclude proceedings
25. Witness's expenses
26. Effect of non-compliance
27. Record of proceedings
28. Disposal of document, *etc.*

FIRST SCHEDULE

SECOND SCHEDULE

PERSONAL DATA PROTECTION ACT 2010**PERSONAL DATA PROTECTION (APPEAL TRIBUNAL) REGULATIONS 2021**

In exercise of the powers conferred by section 93 and subsection 143(1) of the Personal Data Protection Act 2010 [Act 709], the Minister makes the following regulations:

PART I**PRELIMINARY****Citation and commencement**

1. (1) These regulations may be cited as the **Personal Data Protection (Appeal Tribunal) Regulations 2021**.

(2) These Regulations come into operation on 15 April 2021.

Interpretation

2. In these Regulations, unless the context otherwise requires—

“Chairman” means the Chairman of the Appeal Tribunal appointed by the Minister under paragraph 85(1)(a) of the Act;

“Secretary” means the Secretary of the Appeal Tribunal appointed by the Minister under subsection 86(1) of the Act.

PART II**COMMENCEMENT OF APPEAL****Notice of appeal**

3. (1) Any person may make an application to the Appeal Tribunal by a notice of appeal in Form A of the First Schedule and accompanied with the fee as specified in the Second Schedule.

(2) The application to the Appeal Tribunal shall be accompanied with—

(a) the decision of the Commissioner or the enforcement notice served to the data user by the Commissioner, as the case may be; and

(b) a letter of appointment of an advocate, if any, to represent the appellant.

(3) The application shall be filed to the Appeal Tribunal—

(a) within thirty days from the date of the decision of the Commissioner;
or

(b) in the case of an enforcement notice, within thirty days from the date of service of the enforcement notice to the data user.

(4) The notice of appeal shall be filed in—

- (a) one copy for the Appeal Tribunal;
- (b) one copy to be served on the Commissioner;
- (c) one copy to be served on each party to the appeal; and
- (d) one copy for the appellant.

Notice of appeal to be signed and sealed

4. Upon receiving the notice of appeal, the Secretary—

- (a) shall sign all copies of the notice of appeal; and
- (b) shall cause all copies of the notice of appeal to be sealed with the seal of the Appeal Tribunal.

Register of Appeals

5. (1) The Secretary shall keep and maintain a register of appeals in any form as the Secretary thinks fit.

(2) The Secretary shall cause the particulars of the notice of appeal to be entered in the Register of Appeals.

(3) Every appeal shall be distinguished by a number and the year in which it is filed.

Service of notice of appeal

6. (1) After the entry of the particulars of the notice of appeal referred to in regulation 5, the Secretary shall retain one copy of the signed and sealed of the notice of appeal and shall cause other copies of the signed and sealed of the notice of appeal to be returned to the appellant.

(2) Upon receipt of the notice of appeal under subregulation (1), the appellant shall within fourteen days serve the notice of appeal to the Commissioner and any other party to the appeal.

(3) The appellant shall file proof of service of the notice of appeal under subregulation (2) to the Secretary in Form B of the First Schedule.

Delivery of documents

7. The Commissioner who has been served with the notice of appeal under subregulation 6(2) shall within forty-five days from the date of receipt of such notice of appeal deliver to the Secretary the following documents:

- (a) the decision of the Commissioner referred to in subsection 93(1) of the Act;

- (b) a statement of the facts of the case;
- (c) the grounds for the decision of the Commissioner referred to in section 94 of the Act; and
- (d) other relevant documents as the Commissioner thinks appropriate.

Record of appeal

8. (1) Upon receipt of the documents specified in regulation 7, the Secretary shall prepare sufficient copies of the record of appeal within fourteen days from the date of receipt of the documents.

(2) The record of appeal shall contain the following documents:

- (a) a certified true copy of the notice of appeal; and
- (b) a certified true copy of the documents specified in regulation 7.

(3) Upon completion of preparation of the record of appeal under subregulation (1), the Secretary shall issue a notice of the record of appeal in Form C of the First Schedule to the appellant.

(4) The appellant shall, within fourteen days from the date of receipt of the notice under subregulation (3) or any extended time as the Chairman may grant, make payment of fee specified in the Second Schedule.

(5) The Secretary shall provide the appellant with sufficient copies of the record of appeal and enter the appeal into the list of appeals to be heard.

(6) If the appellant fails to comply with subregulation (4), the appeal shall be dismissed.

Service of record of appeal

9. (1) Upon receipt of the record of appeal referred to in regulation 8, the appellant shall within fourteen days serve the record of appeal to the Commissioner and any other party to the appeal.

(2) The appellant shall file proof of service of the record of appeal under subregulation (1) to the Secretary in Form B of the First Schedule.

Notice of hearing of appeal

10. (1) The Chairman shall fix the date, time and place of hearing of the appeal.

(2) The Chairman may, on its own motion or on the application of the appellant or the Commissioner, postpone the date of hearing of the appeal.

(3) The Secretary shall serve a notice of hearing of the appeal specifying the date, time and place of hearing of the appeal to the appellant and the Commissioner in Form D of the First Schedule not less than twenty-one days before the date of hearing of the appeal.

(4) The appellant shall, within a reasonable time before the date of hearing of the appeal serve the notice of hearing to any other party to the appeal.

Amendment of notice of appeal

11. (1) The appellant may, at any stage of the proceedings before the date of hearing of the appeal, amend the notice of appeal with the leave of the Appeal Tribunal subject to any terms and directions as the Appeal Tribunal thinks necessary.

(2) Notwithstanding subregulation (1), the Appeal Tribunal shall not grant leave to amend the notice of appeal filed under regulation 3 unless the Appeal Tribunal is satisfied that—

- (a) the new ground of appeal is based on any matter of fact or law which is known to the appellant only after the notice of appeal is filed;
- (b) the new ground of appeal was not practicable to be inserted in the notice of appeal when it was filed; or
- (c) the new ground of appeal is inserted due to exceptional circumstances.

(3) Where a leave is granted under subregulation (1), the appellant shall file the amended notice of appeal with the Appeal Tribunal.

(4) The Secretary shall cause the amended notice of appeal to be signed and sealed, and to be returned to the appellant.

(5) Upon receipt of the amended notice of appeal under subregulation (4), regulations 6, 8, 9 and 10 shall apply *mutatis mutandis*, as the case requires, in respect of the amended notice of appeal.

PART III

HEARING OF APPEAL

Sitting of Appeal Tribunal

12. (1) All proceedings before the Appeal Tribunal shall be open to the public.

(2) Notwithstanding subregulation (1), the Chairman may at any stage of the proceedings order the proceedings to be held in a closed session.

